

Wakil Rakyat Umno Ikrar Perjuangkan Isu Semua Kaum Di Dun P. Pinang
Bernama
26 Jun, 2013

BUTTERWORTH, 26 Jun (Bernama) -- Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Datuk Jahara Abdul Hamid menegaskan tidak timbul isu perjuangan mengikut kaum dalam Barisan Nasional (BN) kerana wakilnya bersuara bagi seluruh masyarakat.

Sehubungan itu, katanya, semua 10 wakil rakyat Umno yang menjadi suara BN Pulau Pinang dalam sidang DUN negeri berkenaan akan melakukan yang terbaik untuk bersuara bagi kepentingan semua kaum.

"Kita akan bangkitkan isu dan perjuangkan nasib semua kaum di negeri ini, bukan sahaja Melayu tetapi juga masalah orang Cina dan India akan diketengahkan di DUN," katanya kepada pemberita di sini Rabu.

Beliau ditemui selepas penyerahan bantuan Azam Tani anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bagi DUN Teluk Air Tawar. Turut hadir Pengarah Fama Pulau Pinang Habibah Sulaiman.

Jahara yang juga Anggota DUN (Adun) Teluk Air Tawar, berkata beliau akan membuktikan keupayaannya memimpin barisan pembangkang sekalipun ada segelintir yang ragu-ragu kerana beliau seorang wanita.

"Kami akan jadi pemantau prestasi kerajaan negeri," katanya yang telah lima penggal bergelar Adun.

Menurutnya barisan pembangkang juga sudah mengumpul pelbagai isu dan masalah untuk dibawa ke sidang DUN yang dijadual bermula Selasa ini.

Pada pilihan raya umum ke-13 bulan lepas, BN Pulau Pinang hanya memenangi 10 kerusi DUN dan kesemuanya kerusi Umno manakala calon parti komponen lain kalah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959038>